



كوفراسي پوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

29 hb. Mac 2021

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”

Pengerusi / Setiausaha

Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG PEMBIAYAAN EKSPRES / MUDAH OLEH
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

1. LATARBELAKANG

1.1 Berikutan permintaan yang tinggi daripada anggota, KPDRM telah membuat semakan dan penambahbaikan ke atas Pembiayaan Ekspres yang ditawarkan kepada para anggota.

1.2 Pembiayaan ini adalah bagi membantu untuk memenuhi keperluan kewangan mendesak anggota dalam waktu-waktu yang tertentu serta bersifat segera seperti musim pembukaan sesi persekolahan, sambutan perayaan, kecemasan keluarga dan lain-lain perkara yang diklasifikasikan sebagai mendesak oleh Anggota Lembaga Koperasi.

2. TUJUAN

2.1 Mesyuarat Anggota Lembaga yang bersidang pada 26/03/2021 telah mengambil ketetapan bagi melaksanakan penambahbaikan dengan membuat pindaan ke atas aturan Pembiayaan Ekspres / Mudah (Aturan 1.15).

3. PENAMBAHBAIKAN DAN PINDAAN ATURAN PEMBIAYAAN EKSPRES / MUDAH

3.1 Penambahbaikan dan pindaan aturan di bawah 1.15 Pembiayaan Ekspres / Mudah yang dimaksudkan adalah sebagaimana jadual yang berikut:-

BIL	PERKARA	ATURAN SEMASA	PENAMBAHBAIKAN
1.	Kelayakan Pembiayaan – Perkara 2 (3)	Mempunyai modal yuran terkumpul tidak kurang dari RM1,000.00 bagi pemohon pembiayaan sebanyak RM1,000.00 atau mempunyai modal yuran terkumpul tidak kurang dari RM2,000.00 bagi pemohon pembiayaan sebanyak RM2,000.00	Memupnyai modal yuran terkumpul tidak kurang daripada RM1,000.00 dengan jumlah permohonan pembiayaan adalah tidak melebihi daripada jumlah yuran terkumpul semasa permohonan.
2.	Had Pembiayaan – Perkara 3	Had pembiayaan adalah RM2,000.00 sahaja	Had pembiayaan adalah RM5,000.00 sahaja.
3.	Tempoh Bayaran – Perkara 6 (1)	Tempoh maksimum bayaran ansuran ialah 12 bulan atau tempoh tamat perkhidmatan anggota yang meminjam, yang mana terdahulu.	Tempoh maksimum bayaran ansuran ialah 24 bulan (2 tahun) atau tamat perkhidmatan anggota yang meminjam, yang mana terdahulu.

3.2 Manakala lain-lain syarat serta aturan pembiayaan Ekspres / Mudah selain daripada yang dinyatakan di atas adalah tidak berubah.

4. PROMOSI KHAS PEMBIAYAAN EKSPRES / MUDAH

4.1 Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi juga bersetuju bahawa pada/dalam tempoh-tempoh tertentu Pembiayaan Ekspres / Mudah ini boleh ditawarkan kepada para anggota KPDRM pada had maksima **RM7,000.00** dengan had tempoh bayaran balik adalah selama **36 bulan (3 tahun)**.

4.2 Bagi perkara 4.1 yang di atas adalah tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi yang bersidang dari masa ke semasa serta tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa KPDRM.

5. TARIKH KUATKUASA

5.1 Pelaksanaan ketetapan di para (3) dan para (4) di atas adalah berkuatkuasa serta-merta mulai dari tarikh pekeliling ini.


6. PENUTUP

Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar Tuan / Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing untuk memanfaatkan kemudahan yang telah disediakan.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar



DATO' HJ. ROSLI BIN DIN
SETIAUSAHA